

Tengku Mahkota Pahang kurnia kerusi kepada HTAA

Oleh **BERNAMA** - Mac 28, 2024 @ 6:43pm



TENGKU Hassanal berkenan mengurniakan 160 set kerusi menunggu kepada HTAA. FOTO
IG this.7

KUANTAN: Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah hari ini berkenan mengurniakan 160 set kerusi menunggu kepada Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini.

Tengku Hassanal bertitah baginda berbesar hati mengurniakan set kerusi menunggu tersebut sebagai sumbangan kepada tempat keputeraan baginda.

"HTAA amat dekat di hati saya kerana sejak kecil saya dirawat di sini dan kakitangan hospital sangat bagus semasa menjaga saya dan keluarga.

"Saya berharap mereka dapat terus menjaga hospital dan pesakit di sini dengan baik, sentiasa ikhlas dalam melaksanakan tanggungjawab dan jika ada masalah, segera

maklumkan kepada pihak kerajaan negeri," titah baginda pada Majlis Pengurniaan Kerusi Menunggu kepada HTAA.

Kurniaan kerusi itu bagi menggantikan 135 set kerusi menunggu hospital yang rosak dan usang serta penambahan 25 lagi untuk memberikan keselesaan kepada pesakit dan ahli keluarga yang menunggu.

Pada masa sama, Tengku Hassanal bertitah petugas HTAA diharap dapat meneruskan khidmat cemerlang mereka dalam memberikan rawatan terbaik kepada rakyat negeri ini, serta berharap Kementerian Kesihatan dapat melihat dan membantu menaik taraf kesemua klinik dan hospital di Pahang.

Sebelum ini, tular video berdurasi 28 saat di media sosial yang memaparkan keuzuran kerusi ruang menunggu di Jabatan Kecemasan HTAA sehingga menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan netizen yang membangkitkan hal ketidakselesaan pesakit dan ahli keluarga.

Kerajaan Pahang turut memperuntukkan sebanyak RM24,500 untuk pembelian 35 set kerusi panjang di ruang menunggu Jabatan Kecemasan hospital tersebut.

- BERNAMA